



SEJAK awal Oktober tahun lalu, kita dihangatkan dengan kempen Beli Barangan Muslim Dahulu (BMF) atau Beli Barangan Halal Dahulu. Idea kempen itu cukup mudah. Ketika membeli, utamakan produk keluaran Muslim dan halal.

Rata-rata menganggap kempen berkenaan dianjurkan dan dimulakan oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Hakikatnya, bukan NGO yang memulakan kempen BMF. Andai kita membaca al-Quran dan memahami isinya, pasti kita sedar bahawa ALLAH SWT yang telah memulakan kempen BMF itu. Ya, lebih awal daripada mana-mana NGO yang ditubuhkan di Malaysia!

ALLAH SWT ada berfirman tentang sifat orang beriman: "Mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman." (Surah al-Maidah, ayat 54)

Imam Abu Zahrah dalam Zahrah At-Tafsir membincangkan makna kalimah *azillatin* (lemah lembut): "Ia adalah sifat yang disandarkan kepada sesuatu kaum atau kelompok Muslimin yang beriman. Sifat lemah-lembut ini adalah sifat berkelompok yang mana menjadi teras kepada sekumpulan Muslimin dan bukan terhad kepada individu terhadap individu yang lain."

Tegas beliau: "Sifat ini disifatkan kepada sekumpulan Muslimin sama ada sekumpulan kaum yang semuanya Islam ataupun sekelompok Muslimin (berjemaah), mereka saling membantu ke arah kemenangan memartabatkan agama ALLAH dan ajaran rasul."

BERWASIASAT KINI LEBIH MUDAH

Semua Dihujung Jari

Hanya dengan **RM300**
anda kini boleh berwasiat dengan
eWasiat MAIS



**KOS EFEKTIF, MUDAH,
BADAN YANG DIKTIKRAF**



Konsep BMF sudah dipetik dalam al-Quran

Bantu sesama Muslim kukuhkan penyatuan, jana ekonomi ummah

Melihat frasa berkenaan, jelas bahawa membantu sesama kaum Muslimin merupakan antara usaha untuk meningkatkan ekonomi kita. Bukankah ia dikira sebagai usaha memartabatkan agama ALLAH dan rasul?

Dalam ayat lain, ALLAH SWT berfirman: "Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada ALLAH dan Rasul-NYA. Mereka itu akan diberi rahmat oleh ALLAH; sesungguhnya ALLAH MAHA KUASA, lagi MAHA BIJAKSANA." (Surah at-Taubah, ayat 71)

Ketika mentafsirkan ayat itu, Imam Abu Zahrah menyatakan, sifat seorang Mukmin sejati sentiasa membantu Mukmin yang lain. Andai ada sahaja orang beriman, maka orang berimanlah yang pertama sekali perlu tampil membantu.

Berkaitan zakat, ujar beliau, ia bukan sekadar kewajipan individu, tetapi sebagai satu tanggungjawab sosial yang mana kita bukan sahaja perlu saling membantu berkaitan urusan akhirat, tetapi Mukmin sejati akan sentiasa membantu untuk urusan duniawi.

Jika kita menghayati sejarah para sahabat, ternyata perkara itu memang ada kebenarannya. Masakan tidak, antara perkara terawal yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW ketika mengasaskan negara Islam Madinah adalah mempersaudarakan golongan Ansar dan Muhajirin (yang berhijrah dari kota Makkah).

Ketika itu, antara bantuan terbesar daripada golongan Ansar adalah membantu para Muhajirin untuk meneruskan perniagaan mereka.

Terdapat satu kisah yang masyhur yang mana Abdul Rahman bin Auf RA dibantu oleh seorang sahabat daripada golongan Ansar, Saad bin Rabie' RA.

Walaupun akhirnya Abdul Rahman menolak bantuan modal daripada Saad, namun kisah itu cukup memberikan kita

kefahaman betapa sifat saling membantu dan mengutamakan kaum Muslimin berakar umbi dalam jiwa para sahabat nabi.

Satu lagi kisah yang boleh menjadi suri teladan kepada kita adalah pembelian peri di Madinah. Ia menunjukkan betapa umat Islam bersatu hati dalam urusan membina ekonomi umat Islam.

Malangnya semua itu sukar dilihat pada zaman ini. Persoalannya, di mana roh semangat kesatuan kita sebagai satu ummah pada hari ini?

Di mana kesedaran untuk membina dan menjaga kekuatan ekonomi umat Islam?

Jawapan kepada persoalan itu adalah dengan mendalami konsep ukhuwah dan persaudaraan sesama Islam.

Interpretasi ukhuwah itu adalah mengutamakan saudara seagama kita dalam urusan dunia dan akhirat. Apabila wujud kecintaan kepada saudara sesama Islam, ia akan membuatkan kita terpenggil membantu perniagaan mereka.

Betulkan persepsi salah

Di sebalik kerancakan kempen berkenaan, terdapat juga pandangan yang menganggap bahawa BMF bertentangan dengan hukum 'harus membeli barangan orang bukan Islam' dan mengganggu usaha dakwah.

Tidakkah tindakan itu bakal mengganggu perniagaan bukan Muslim? Bukankah ia melanggar agenda dakwah kepada bukan Muslim dan sebagainya?

Semua persepsi tersebut timbul berpunca daripada salah faham kononnya kempen itu dibuat hanya untuk kepentingan pihak tertentu.

Segelintir masyarakat di Malaysia juga beranggapan bahawa seruan kempen mengutamakan produk Muslim bererti memboikot produk bukan Muslim.

Perlu ditegaskan, membeli produk bukan Muslim bukanlah suatu perkara yang ditegah, tetapi ia adalah perkara yang



Kita tidak menyeru untuk memboikot barangan bukan Muslim. Sebaliknya menyeru umat Islam memberi keutamaan kepada barangan Muslim.

halal dan diharuskan.

Kita tidak menyeru untuk memboikot barangan bukan Muslim. Sebaliknya menyeru umat Islam memberi keutamaan kepada barangan Muslim.

Seruan sebegini hakikatnya adalah sesuatu yang normal pada hari ini, sama seperti seruan membeli produk asli tanpa modifikasi genetik, seruan membeli produk Malaysia berbanding produk luar negara.

Cuma timbul prasangka daripada sebilangan kecil umat Islam apabila keutamaan dalam membeli dibuat berdasarkan akidah penjual.

Keadaan itu agak merisaukan kerana boleh menimbulkan perasaan prasangka. Dikhuatiri dasar kepada kekeliruan itu adalah kerana sikap memisahkan agama dalam kehidupan yang menebal. Semoga ALLAH memelihara kita daripada kelemahan berkenaan.

Berbalik kepada persoalan perlukah BMF? Jawapannya ya dan perlu!

Atas asas ukhuwah juga, maka semua umat Islam di Malaysia disarankan untuk memberi keutamaan kepada produk Muslim bagi mengukuhkan penyatuan dan penjanaan ekonomi ummah.

Sumber: Majlis Agama Islam Selangor



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy